

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 11, 2020 4:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program ABEM 3.0 Bantu Pembangunan Pendidikan Keusahawanan Insitusi Pendidikan Tinggi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 FEBRUARI 2020 / 17 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Sallam Abdullah

PROGRAM ABEM 3.0 BANTU PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN INSITUSI PENDIDIKAN TINGGI



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Bagi membantu membangunkan pendidikan keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), OYAGSB telah menganjurkan Konvensyen Advance Business and Entrepreneurship Management (ABEM) 3.0 di Hotel Copthorne Orchid, baru-baru ini.

Konvensyen ABEM 3.0 ini melibatkan seramai 40 peserta terdiri daripada tenaga pengajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Zon Utara.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan berkata, program ABEM 3.0 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini merupakan asas kepada teori dan praktikal.

Menurutnya, program itu akan memberi impak yang besar dalam pembangunan pendidikan keusahawanan di IPT melalui peningkatan kompetensi tenaga pengajar supaya mempunyai kefahaman yang jelas tentang konsep pengurusan perniagaan dan keusahawanan terkini.

“Program ini juga akan meningkatkan kemahiran pendidik berkaitan keusahawanan untuk menjalankan kajian selaras dengan aspirasi KPM untuk mengeluarkan kajian yang berasaskan *action research*.

"Hasil kajian kes yang dijalankan juga dapat dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada pelajar IPT, di samping dapat membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) membangunkan perniagaan melalui kajian kes yang dijalankan," katanya pada Majlis Penutup Konvensyen ABEM 3.0.

Sebanyak 13 kajian kes telah dibentangkan sepanjang Konvensyen ABEM 3.0, antaranya kajian kes daripada wakil UUM iaitu Prof. Madya Dr. Osman Ghazali, Mohd Rushdi Idrus dan Abdul Hadi Abdul Razak bertajuk '*Dapur Ibu Food Industry: Challenges of Selling Using E – Commerce*' yang telah dipilih sebagai pemenang tempat pertama kajian kes terbaik.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh wakil UiTM Pulau Pinang iaitu Suria Sulaiman dan Dr. Nur'hidayah Che Ahmat dengan kajian kes bertajuk '*Managing Holistic Halal Concept and Business Expansion Challenge: The Case of Dandy Modern Food, Malaysia*', diikuti tempat ketiga dimenangi oleh Nurul Hayani Abd Rahman dan Shakirah Mohd Saad dari UiTM Kedah dengan kajian kes bertajuk '*Agrobase Industry: Bold Move from Grower to Processors*'.

Program Executive Certificate in Advance Business and Entrepreneurship Management merangkumi tiga fasa iaitu fasa pertama ialah Bengkel ABEM 3.0 pada 3 hingga 7 Oktober 2019 yang mana peserta didedahkan dengan elemen-elemen penting dalam bidang keusahawanan dan perniagaan seperti pengurusan keusahawanan, perniagaan runcit digital, pengurusan pemasaran strategik, pengurusan kewangan strategik dan kajian kes perniagaan.

Fasa kedua pula ialah pembangunan perniagaan mampan yang mana setiap peserta dikehendaki untuk mengenalpasti dan menjalankan kajian kes tentang PKS di sekitar negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dalam tempoh dua bulan untuk mengaplikasi teori dan konsep yang telah dipelajari sebelum ini dalam melaksanakan projek kajian kes ini untuk membantu perusahaan PKS terus berdaya saing dalam perniagaan.

Manakala fasa ketiga pula ialah Konvensyen ABEM 3.0 yang mana peserta perlu membentangkan hasil kajian kes yang telah dijalankan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.